

info kampus




Universiti Teknologi MARA, Cawangan Sarawak

Jln Meranek, 94300 Kota Samarahan, Peti Surat 1258, Kuching, Sarawak. Tel: 082-672153 Telefax: 082-672155 e-mail: uitmsamarahan@sarawak.itm.edu.com

Isu 41- Julai 2004

15hb Ogos 2004



Konvensyen KMK (m.s. 4)



inside !



Mesej Dr Abg Ridzuan

URDC Research Workshop 1

Konvensyen KMK

American Students at UiTM Sarawak

Our Website launching

HEA Retreat

Kesatria students scale G Kinabalu

Humour in the Classroom

infokampus2000@yahoo.com

Konvensyen KMK Peringkat UiTM Sarawak

*Dr. Mohamad Ali bin Talib, Penyelaras
KMK UiTM Sarawak 2004*

Pada tahun 2004, aktiviti berkaitan dengan KMK terus berjalan dengan beberapa perancangan baru telah dilakukan untuk menambahbaik aktiviti sedia ada. Antaranya untuk pertama kalinya pada 29 hingga 31 Mac 2003 yang lalu setiap kumpulan KMK telah menghantar wakilnya menghadiri bengkel yang dikendalikan oleh pihak NPC bagi memantapkan lagi pemahaman mereka kepada konsep dan kaedah-kaedah terbaru yang digunakan dalam KMK. Setiap penyelaras kumpulan-kumpulan KMK juga telah dibekalkan dengan salinan cakerapadat mengenai semua projek KMK yang dipersembahkan oleh agensi lain terma-

suk swasta di peringkat kebangsaan pada tahun 2003 sebagai bahan rujukan ke arah peningkatan tahap pencapaian KMK yang lebih tinggi.

Satu Konvensyen KMK Peringkat UiTM Sarawak telahpun diadakan pada 27 Julai 2004 dirasmikan oleh Prof Madya Dr Fatimah Bujang. Konvensyen kali ini telah menyaksikan sebanyak sebelas kumpulan KMK mewakili bahagian dan unit-unit dalaman di UiTM Sarawak. Ia menunjukkan peningkatan sebanyak dua kali ganda berbanding penyertaan tahun lalu.

Beberapa kumpulan baru juga telah ditubuhkan iaitu Unit Ladang (Kombinasi pensyarah DPIM dan kakitangan unit ladang), Bahagian Penyelenggaraan dan satu lagi kumpulan pensyarah. Konvensyen ini telah mencapai objektifnya iaitu untuk memberi peluang kepada semua kumpulan KMK UiTM Sarawak yang ada mempersembahkan projek masing-masing dan sekaligus dapat menilai projek rakan yang lain dan memperbaiki segala kelemahan yang ada. Ia juga bertujuan untuk memilih pemenang untuk mewakili UiTM Sarawak ke Konvensyen KMK peringkat

UiTM Tahun 2004 di samping mewujudkan kesedaran berkaitan aktiviti KMK di kalangan warga kampus UiTM Sarawak.

Konvensyen ini telah diakhiri oleh tiga orang penilai iaitu Tuan Haji Abdullah bin Kassim (Pengurus NPC Wilayah Sarawak), Lt. Kol Ismail Ariffin (Markas 1 Divisyen Infantry Malaysia) dan saudara Yusri bin Samawi (Pengerusi Audit Dalaman, Unit kualiti, UiTMCS). Ia juga turut dihadiri oleh beberapa ahli jawatankuasa KMK dari Pustaka Negeri Sarawak dan Pasukan KMK dari Angkatan Tentera Malaysia yang sama-sama ingin mempelajari pengendalian Konvensyen KMK oleh pihak urusetia KMK UiTM Sarawak.

Dua wakil telah dipilih untuk mewakili UiTM Sarawak dalam Konvensyen KMK Peringkat UiTM yang akan diadakan di Perak pada 03 hingga 05 September 2004. Mereka adalah Kumpulan QP dari Bah. HEP mewakili kategori pengurusan dan Kumpulan RODA Q dari Bah. Pentadbiran bagi kategori teknikal. Keputusan keseluruhan akan diumumkan pada Hari Kualiti UiTM Sarawak yang akan diadakan pada bulan Januari 2005.

Senarai kumpulan-kumpulan yang bertanding adalah seperti berikut :

Bil	Bahagian/ Unit	Nama Kumpulan	Kategori
1	Bahagian Hal Ehwal Pelajar	QP - Tajuk : Kesukaran Menyedia Laporan Kesihatan	Pengurusan
2	Bahagian Hal Ehwal Akademik	HEA - Tajuk :Perkhidmatan Kaunter Yang Kurang Memuaskan	Pengurusan
3	Bahagian Perpustakaan	KIT3P - Tajuk: Pengurusan Suratkhbar Tidak Memuaskan	Teknikal
4	Makmal/ IT	SMART - Tajuk : E-Borang Amali di Makmal	Pengurusan
5	Pengurusan Ladang	BELIAN - Tajuk: Masalah Serangga Haiwan Perosak Ke atas Buah Nangka	Teknikal
6	Pentadbiran	RODA Q - Tajuk : Talian Telefon Jenis C Boleh Dijadikan Jenis A Tanpa Melalui Jurutelefon	Teknikal
7	Pensyarah	DISCOVERY - Tajuk: Improvement of Lecturer Teaching Method	Pengurusan
8	Pensyarah	V8 - Tajuk: Penyelarasan Kerja Penyelenggaraan Lanskap UiTMCS	Pengurusan
9	Pensyarah	PERINTIS - Tajuk : Kelewatan Penghantaran Surat/Memo/Courier	Pengurusan
10	Bahagian Penyelenggaraan	ES (Evolving Saviour) - Tajuk: Ke Arah Pengurusan Lampu Jalan Yang Cekap	Pengurusan
11	Bahagian Kewangan	PESONA - Tajuk: Mengatasi Masalah Penandaan Harta Benda dan Inventori	Pengurusan
		UITM	

Announcement: Program Pimpin dan Kepimpinan.

This program organised by students of MKT 310 (Public Relations)DBS 5 will be held on 4 and 5 September in our campus for part 1 and 2 DBS students and the current DBS Club committee. The purpose of the program is part of our efforts to train and develop leadership qualities among our DBS students. - AJK Publicity (Marilyn, Mary Grace and Faridah)

URDC Research W'shop Programme (p 3)



HEA Retreat (p 8)



Sidang Redaksi

Penasihat

Prof Madya Dr. Abd Rahman Deen
Prof Madya Dr Fatimah Bujang

Penyelaras Penerbitan

Yuthandy Maniam
MB 62/Ext 528

Panel Editor

..... (Ketua)
MB 79/Ext 469

Cindy Wee (Penolong Ketua)
MB 20/Ext 508

Sharifah Zakiah
MB 199/ Ext 344

Prabha Ramakrishnan
MB 147/Ext 525

Helen Pereira
MB /Ext1450

Azlina Ghazali
MB 171Ext

Ellen Chung Siew
MB 122/Ext 501

Wakil Perpustakaan

Saptuyah Rosli
Ext 207
Ellen

Wakil Pelajar

Nomiday Dajie
Rafidah Nawawi

Grafik dan Percetakan

Yuthandy Maniam

Bantuan Teknikal

Abdul Khalid Karim

Sirkulasi

Ahmad Lotfi Ariffin
Sabariah Mohd Apandi

Our Own Fitness Centre (next issue)



" Berbekalkan ilmu, keazaman, ketaqwaan dan yakin segalanya boleh, kita akan lebih memahami erti kemerdekaan." Prof Madya Dr Abang Ridzuan